

KKTKW 18/4/2.01



Ibu Pejabat Jabatan Ukur

Semenanjung Malaysia

Jalan Gurney

Kuala Lumpur 15-02

18 hb. Mac, 1982

## **PEK.KETUA PENGARAH UKUR BIL. 4 TAHUN 1982** **Definasi Ketua Pasukan Dan Tanggungjawabnya**

### **1. Latar Belakang**

- 1.1 Pada masa yang lampau semua pegawai pejabat seperti Pembantu Teknik dan Juruteknik segala tingkatan telah bertugas langsung di bawah jagaan ketua cawangannya. Sistem kerja ini didapati kurang memuaskan kerana penghasilan dan mutu kerja bagi setiap pegawai tidak dapat dikawal dan dinilai dengan tetap.
- 1.2 Dalam sistem lama ini, tunjukajar/bimbingan mengenai kelemahan/kesalahan yang dipastikan daripada kerja yang telah diselesaikan tidak dapat dilaksanakan secara berkesan kerana sebab masa telah terlampau lama luput atau pegawai yang berkenaan telah ditukarkan ke cawangan atau bahagian lain. Ini telah mengakibatkan pegawai berkenaan tidak dapat diinsafkan akan kelemahan/kesalahannya ataupun diajar bagaimana sesuatu masalah diatasi.
- 1.3 Di padang pula, pegawai muda dan kurang pengalaman/pengetahuan telah ditugaskan untuk mengetuai pasukan kerjalar. Ini telah menimbulkan masalah serius kerana banyak kesalahan/ketinggalan telah berlaku di kerja-kerja mereka. Ini mengakibatkan kerja-kerja tersebut berulang-alik antara pejabat dan padangkerja dengan kerugian kewangan dan masa yang besar dan serius.

### **2. Definasi Ketua Pasukan**

- 2.1 Mulai tarikh surat pekeliling ini pegawai-pegawai terpilih hendaklah ditugaskan sebagai Ketua Pasukan (penyemak) di pejabat dan dipadangkerja sebagai Ketua Pasukan (pegawai kerjalar) untuk mengetuai pasukan kerjalar.
- 2.2 Setiap penyemak akan diberikan satu pasukan yang mengandungi 3 orang pegawai. Setiap pasukan kerja akan mengandungi seorang ketua dan tiga orang pegawai seperti kombinasi berikut: (A, A dan A), (A, A dan B), (A, A dan C), (A, B dan B), (A, B dan C), (B, B dan B), (B, B dan C), (B, C dan C) dan lain-lain menurut keadaan. Adalah diingatkan bahawa pegawai kurang/tidak mahir dan pegawai baru telah diberikan penarafan 'C'.

- 2.3 Nisbah pekerja yang diberikan di atas akan memberi sedikit kelegaan yang boleh digunakan oleh ketua pasukan sendiri membuat kerja berhasil.

### **3 Tanggungjawab Ketua Pasukan**

- 3.1 Ketua pasukan hendaklah memimpin, mendidik, membetul dan sekiranya perlu, mempunyai hati teguh (determination) mengambil tindakan tatatertib yang sesuai bagi kelemahan/kesalahan pekerja di bawah jagaannya. Di samping itu beliau perlu memelihara dan meningkat mutu dan kuantiti hasil kerja sendiri bersamaan etika kerja, dedikasi, "motivasion" dan kerjasama pekerjanya.
- 3.2 Untuk menjalankan tugas-tugasnya dengan memuaskan, beliau hendaklah meningkat dan meluaskan bakat, pengetahuan dan kepakarannya dengan usaha sendiri dan meminta tunjukajar daripada pegawai atasan dari semasa ke semasa serta mengenalpasti segala bakat dan kekurangan pekerjanya. Ini akan membolehkan beliau mengawal mutu dan hasil kerja sambil dapat memberi bimbingan, tunjukajar, pembetulan kekurangan secara rapat dan menunjukkan tauladan.
- 3.3 Semua Ketua Pasukan akan bertanggungjawab terus mengenai mutu dan hasil kerja setiap pekerja di bawah jagaannya. Untuk membolehkan beliau menjalankan kewajibannya, setiap Ketua Pasukan diberi kuasa dan dijadikan pegawai penilai di atas pekerja di bawah jagaannya. Sistem 'decentralisation of close monitoring of compact groups of workers and direct responsibilities of their team leaders' akan boleh mencapai penghasilan kerja maksima.

### **4 Tujuan Muktamat**

Akhirnya Ketua-ketua pasukan di Cawangan Rajah Kerjalar, dan Hitungan boleh dan mudah, saling menukar dengan Ketua-ketua Pasukan Kerjalar. Usaha Pengarah Ukur hendaklah dicurahkan ke pencapaian matlamat ini seberapa awal yang boleh.

Sekian.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

**LEONG YIP SUN, J.S.M.**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan,  
Malaysia.

Tarikh: 18 hb. Mac, 1982

